

Kebun kerang jadi sasaran 'penyamun laut'

HM 14/06/23 MS 17

Jasin: Kebun Kerang di perairan Kuala Sebatu di sini, kini menjadi sasaran 'penyamun laut' untuk mencuri kerang dan Jabatan Perikanan negeri kini melakukan rondaan serta pemantauan bagi membantaras kegiatan terbabit.

Timbalan Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Low Chee Leong berkata, langkah itu susulan terdapat satu kes kecurian hasil ternakan berkenaan membabitkan seorang nelayan tempatan, beberapa minggu lalu.

Katanya, nelayan berusia 40-an itu ditahan ketika sedang 'mengaut' kerang yang diternak di beberapa lot ternakan di Kuala Sebatu.

"Nelayan itu ditahan oleh rakannya yang juga nelayan



Hasil siasatan Jabatan Perikanan negeri, nelayan itu bukan peserta Kebun Kerang berkenaan dan mahu mencuri hasil ternakan itu untuk dijual. Ketika ditahan, dia sudah mengaut hampir 10 kilogram kerang"

Low Chee Leong

di situ yang kebetulan berada di sekitar kawasan ternakan berkenaan sebelum diserahkan kepada polis.

"Hasil siasatan Jabatan Perikanan negeri, nelayan itu bukan peserta Kebun Ke-



CHEE Leong (tujuh dari kiri) dan nelayan daerah Jasin pada Majlis Penyampaian Bayaran Insentif Sara Hidup Secara *One-Off* kepada nelayan Melaka di Dewan Datuk Haji Ahmad Ithnin, Merlimau.

rang berkenaan dan mahu mencuri hasil ternakan itu untuk dijual. Ketika ditahan, dia sudah mengaut hampir 10 kilogram kerang," katanya.

Beliau ditemui selepas menghadiri Majlis Penyampaian Bayaran Insentif Sara Hidup Secara *One-Off* kepada nelayan Melaka di De-

wan Datuk Haji Ahmad Ithnin Merlimau di sini, semalam.

Chee Leong turut menasihatkan nelayan supaya bekerjasama menangani kegiatan tidak bertanggungjawab itu bagi memastikan hasil usaha mereka tidak diceroboh serta dirampas pihak lain.

Pada masa sama, beliau berkata, Jabatan Perikanan negeri akan sentiasa berhubung dengan nelayan yang menyertai program kebun kerang terbabit selain turun padang untuk memantau perkembangan hasil ternakan berkenaan.

Berkaitan program berkenaan, beliau menasihatkan

nelayan yang menerima bayaran terbabit supaya memanfaatkannya untuk pekerjaan hakiki mereka.

"Pada masa sama, mereka boleh memanfaatkan untuk menambah ekonomi keluarga. Bantuan ini diharapkan dapat meringankan sedikit beban kewangan mereka," katanya.